

Subsidi negara dijangka cecah RM81 bilion tahun ini

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Subsidi ditanggung kerajaan untuk rakyat meliputi antaranya minyak, elektrik dan makanan pada tahun ini dijangka mencecah RM81 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, biarpun angka itu cukup tinggi, langkah kurangkan subsidi bukan pilihan kerana ia akan membebankan rakyat berpendapatan rendah.

Justeru, katanya, kerajaan akan perkenal dasar yang lebih ampuh dan realistik dalam melaksana rasionalisasi subsidi.

Katanya, antara langkah yang dilakukan adalah menarik semula subsidi elektrik terhadap golongan terkaya, maka mereka perlu membayar bil elektrik mengikut harga pasaran manakala 99 peratus rakyat tidak terkesan dengan pembatalan subsidi tersebut.

“Bagi haji, selama ini Tabung Haji memberikan subsidi kepada semua jemaah dan baru-baru ini, saya telah meminta Tabung Haji mengkaji semula subsidi terhadap orang kaya yang berpendapatan RM1 juta sebulan atau RM100,000 sebulan, mereka ini tidak perlu subsidi. Mereka mendapat haji mabrur dengan keupayaan mereka.

“Namun, subsidi untuk rakyat masih diteruskan dan tahun ini kita perkenalkan rasionalisasi ini dengan memin-



ANWAR Ibrahim bersalaman dengan hadirin selepas menyampaikan ucapan penutup Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam di Kota Kinabalu. Sabah semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

SUBSIDI KEPENGGUNAAN

Petrol, diesel, LPG, minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat dan bil subsidi (tidak termasuk bantuan kebajikan) dari tahun 2018 - 2022

Jumlah subsidi tahunan 2018	2019	2020	2021	2022
Petrol, diesel & LPG 7.4	6.1	1.6	13.2	37.3
Minyak masa paket 1kg 0.4	0.3	0.5	2.2	4.0
Subsidi kepenggunaan lain 0.5 (elektrik, ayam, telur dll.)	0.9	0.6	1.1	9.7
JUMLAH (RM bilion) 8.3	7.3	2.7	16.5	51.0

ta masyarakat muslim yang paling kaya, tidak diberikan subsidi. Langkah itu diterima baik,” katanya semasa merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Perdana Hal Ehwal

Islam sempena Ijtimak Perdana Agensi-Agensi Agama seluruh Malaysia, di sini semalam.

Anwar berkata, dengan jumlah subsidi yang begitu besar, tiada negara yang mampu ber-

tahan maka ada beberapa tindakan diambil bagi mengurangkan subsidi minyak yang mencecah puluhan ribu ringgit setahun.

Kata beliau, jika dilihat harga minyak di Malaysia lebih murah berbanding di Arab Saudi.

“Saya tahu rakan lama saya hari ini berkata ‘menang esok minyak turun’, tapi itu saya umum pada 2008. Pada masa itu, harga minyak Arab Saudi 50 sen dan kita melihat ada keperluan sebab harga minyak turun.

“Sekarang kos meningkat berkali ganda dan harga minyak Arab Saudi lebih tinggi dari Malaysia. Harga minyak termurah sekarang di Brunei dan rendah sedikit dari harga minyak di Malaysia,” katanya.